

23 JAN 2003

NAM-Lalu lintas/I

RAPTAI KEDUA DAN AKHIR LALU LINTAS SEMPENA NAM

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Pengguna jalan di Kuala Lumpur diberikan dua peluang lagi untuk meneliti laluan ke tempat kerja masing-masing sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 dari 20 hingga 25 Feb ini.

Pengguna akan mengalami keadaan sebenar lalu lintas pada NAM -- seolah-olah ketua negara asing sudah berada dalam limosin untuk ke Pusat Dagangan Dunia Putra -- pada raptai kali kedua dan ketiga yang dijadualkan pada 15 dan 17 Feb ini.

Jalan-jalan yang terlibat ialah Jalan Bukit Bintang, Jalan Raja Chulan, Jalan Sultan Ismail, Jalan Kuching dan Jalan Tun Razak dari pukul 8.50 pagi ke atas.

Ketua polis trafik Kuala Lumpur Supt Ahmad Shamsuri Ahmad Mukri berkata pengguna akan mengalami sendiri situasi lalu lintas yang sama di sepanjang Sidang Kemuncak itu seperti yang berlaku semasa raptai itu.

"Ini bermakna anda kena datang awal ke pejabat dan jika boleh, pulang lewat," kata Shamsuri yang juga komandan pergerakan tragik sempena NAM.

Beliau berkata 1,000 anggota polis trafik yang terbabit mengiringi orang kenamaan, akan cuba meminimumkan masalah dan menjadikan aliran lalu lintas di jalan-jalan di Kuala Lumpur "seboleh-bolehnya seperti biasa".

"Kita perlu menunjukkan kepada perwakilan NAM bahawa kita mempunyai pengurusan lalu lintas yang baik di Kuala Lumpur," katanya.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa peranan polis semata-mata tidak bermakna tanpa kerjasama orang ramai.

Shamsuri mengulangi permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek yang baru-baru ini menggesa pengguna jalan di Kuala Lumpur supaya bekerjasama bagi membantu melancarkan aliran trafik sepanjang persidangan dunia itu.

Berita-berita lain mengenai NAM boleh dilayari di alamat :

www.nam2003.com

-- BERNAMA

NIM AHH LAT